

TARIKH: 23 FEBRUARI 2022

SURAT KHABAR: HARIAN METRO

MUKA SURAT: 12

# Majikan diseru tawar gaji minimum **RM1,500**

*AEON dan Westports Holdings tunjuk contoh baik: Menteri*

**Bernama**  
**Kuala Lumpur**

**K**erajaan menyeru lebih ramai majikan menawarkan gaji pekerja pada kadar melebihi gaji minimum sedia ada, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan.

Beliau berkata pendekatan syarikat AEON Co (M) Bhd dan Westports

Holdings yang baru-baru ini menawarkan gaji pada kadar RM1,500 kepada pekerja mereka wajar dijadikan contoh.

Saravanan berkata walaupun semakan kasar terhadap gaji minimum ini belum diputuskan dan dimuktamadkan

oleh kerajaan, terdapat majikan yang sudah mula membayar gaji minimum pada kadar RM1,500.

"Kedua-dua majikan (AEON dan Westports Holdings) ini sudah menunjukkan contoh baik yang mana mereka prihatin dengan permasalahan pekerja

walaupun dengan keadaan ekonomi masih terkesan akibat pandemik Covid-19," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini berkata kerajaan sedang melaksanakan sesi libat urus dengan majikan berhubung pelaksanaan gaji minimum RM1,500 bagi membolehkan ia dilaksanakan secara holistik.

**Kedua-dua majikan prihatin dengan permasalahan pekerja**